



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH OF MALAYSIA**  
Bahagian Pengurusan Latihan  
*Training Division*  
Aras 3 dan 6, Menara Prisma  
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000  
Faks (Fax) : 603-8885 0748  
Laman Web (Web) : latihan.moh.gov.my

---

Ruj: KKM.500/3/4/9 Jld.9 ( II )  
Tarikh: **16** Oktober 2019

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **PELAWAAN KEMUDAHAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SEPARA BIASISWA SESI 2019/2020 UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL YANG MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN Ph.D SECARA SEPARUH MASA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah mempelawa peserta dari Kementerian Kesihatan Malaysia yang berkelayakan untuk memohon Kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa sesi 2019/2020 untuk memohon penajaan di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan Separa Biasiswa (HLPSB) sesi 2019/2020. Pelawaan ini adalah kepada pegawai-pegawai yang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Ph.D secara separuh masa. Syarat-syarat permohonan adalah seperti di Lampiran 1. Permohonan yang lengkap hendaklah di hantar sebelum atau pada **25 Oktober 2019** kepada :

Unit Program Kepakaran 2  
Cawangan Pentadbiran dan Pengurusan  
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM  
Aras 6, No.26, Persiaran Perdana, Presint 3  
62675, Putrajaya  
(u/p : En. Mohd Akbal Bin Ghazali)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT NO : QMS 01948

3. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama daripada pihak YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memanjangkan maklumat ini kepada semua penjawat awam yang berminat dan berkelayakan di Jabatan/Bahagian/Agensi YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengikuti program ini. Keterangan lanjut berhubung program ini adalah seperti di lampiran.

4. Borang permohonan HLPSB yang telah lengkap diisi hendaklah di muat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama :

- i. Dua (2) Salinan Kad Pengenalan;
- ii. Dua (2) Salinan Surat Tawaran kemasukan ke institusi secara **separuh masa/pengajian jarak jauh/kursus luar kampus** ;
- iii. Dua (2) salinan slip pendaftaran/Surat pengesahan pendaftaran kemasukan ke institusi ;
- iv. Dua (2) salinan Ijazah Pertama atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip) ;
- v. Dua (2) Salinan Ijazah Sarjana atau kelulusan yang setaraf dengannya (skrol dan transkrip) ;
- vi. Dua (2) Salinan Senarai Tugas ;
- vii. Dua (2) Salinan kelulusan melanjutkan pengajian secara separuh masa daripada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan ; dan
- viii. Borang Maklumat Ringkas Pengajian (yang dilengkapi oleh pihak institusi pengajian seperti di **LAMPIRAN D**) ;

5. Kerjasama dan perhatian YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(AZLAN BIN AHMAD)**

Bahagian Pengurusan Latihan

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

**s.k.**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan & Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Kesihatan Pergigian  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah,  
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan,  
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Kejururawatan Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

